

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Kemasan lantai kayu
27 Jun 2010
Berita Minggu
Supplement
N/A
Daily
297,950 / 2,476,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
10,11
1139 cm²
Full Color
14,432
43,297



Lantai parket corak moden.



Kemasan lantai kayu

Usah fikir cantik semata-mata, pastikan pilihan
praktikal dan selamat untuk seisi rumah

Headline **Kemasan lantai kayu**
Date **27 Jun 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **10,11**
Article Size **1139 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **14,432**
PRValue **43,297**



Tip

Pulihara lantai kayu

- Beri tumpuan kepada disiplin penjagaan serta penyelenggaraannya.
- Letak alas kaki di semua laluan dan pintu masuk. Cara ini berkesan menghindari habuk dan pasir daripada singgah ke lantai. Bagaimanapun, anda diingatkan supaya kerap membersihkan kotoran yang melekat di rak itu.
- Jangan biarkan pasir dan habuk berkumpul kerana ia mampu memberi kesan tidak baik kepada kesihatan terutama bagi mereka yang menghidap penyakit asma.
- Letak pelapik lembut pada kaki perabot bagi melindungi lantai daripada kesan calar.
- Elakkan memakai kasut bertumit dalam rumah kerana ia menyebabkan lantai rosak khasnya yang diperbuat daripada spesies kayu lembut.
- Bagi ruang dapur yang kerap digunakan, anda disaran meletak ambal dan pelapik kaki di kawasan menempatkan sinki dan dapur masak.
- Sediakan alat berfungsi menyerap kelembapan di kawasan strategik terutama di ruang mempunyai alat pendingin hawa. Ini berguna bagi mengekalkan kelembapan bandingan sekitar 30 hingga 50 peratus yang dipercayai berupaya mengelak lantai retak dan merekah.

Headline **Kemasan lantai kayu**
 Date **27 Jun 2010**
 MediaTitle **Berita Minggu**
 Section **Supplement**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
 Page No **10,11**
 Article Size **1139 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **14,432**
 PRValue **43,297**



Lantai kayu sejuk dan selamat dipijak.

KESELESAAN kaki tat kala melangkah ke kediaman menandakan pilihan kemasan adalah tepat. Lazimnya, kemasan lantai yang baik dibuktikan apabila kaki tidak sakit selain faktor keselamatan terjamin iaitu lantai tidak licin sewaktu dipijak.

Selain faktor keselesaan, permukaan lantai turut membentuk identiti dan gaya bagi memenuhi konsep, keperluan dan praktikaliti sesebuah kediaman. Kepelbagaian rekaan lantai ditawarkan di pasaran berupaya menjadikan ruang ber suasana dramatik dan selesa didiami.

Kriteria pilihan kemasan lantai

Pemilihan lantai cantik mem-

bantu mengindah dan menyeronokkan keseluruhan ruang kediaman. Namun, pilihan tidak sepatutnya dibuat berdasarkan ciri cantik semata tetapi perlu praktikal, selamat, sihat dan mesra alam.

Antara kriteria yang perlu diberi perhatian sebelum memilih jenis dan kemasan lantai ialah:

- Ketahanan terutama untuk ruang sering digunakan.
- Kos penggunaan bahan, pemasangan dan penyelenggaraan membabitkan tenaga, masa dan perbelanjaan.
- Aspek estetika dan praktikal terutama dari segi keperluan seni bina.
- Keperluan kepada kawalan penyerapan kesan bunyi dan akustik.
- Berupaya mengasing dan menyerap cahaya sekali gus memberi kesan menarik pada ruang.
- Memenuhi kod kawalan kebakaran dan keselamatan.

Lantai kayu padu tempatan

Ia diperbuat daripada kayu tempatan seperti balau, merbau, cengal serta kayu import berupa jati, oak, maple dan ceri. Lazimnya, jati diimport dari negara jiran manakala yang lain didapati di Eropah dan negara beriklim sejuk.

Jarang didengar kemasan lantai kayu padu menggunakan spesies kayu keras tempatan meskipun dikatakan ia lebih berkualiti, tahan lama, tahan lasak, mudah dicuci

serta kalis kotor berbanding kayu import.

Kajian Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) turut mengiyakan kayu keras tempatan lebih lasak dan tahan lama berbanding kayu keras import misalnya oak. Kayu tempatan lebih sesuai persekitaran serta cuaca negara dan antara yang popular termasuk cengal, merbau dan tembusu.

Ketahanan kayu tempatan dibuktikan menerusi binaan rumah Melayu tradisional yang mampu bertahan me-

Headline **Kemasan lantai kayu**
Date **27 Jun 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **10,11**
Article Size **1139 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **14,432**
PRValue **43,297**

rentasi generasi. Selain sesuai untuk lantai, kayu seumpanya sesuai dijadikan kemasan dinding serta siling.

Namun dalam sekian banyak spesies, kayu cengal dianggap terbaik menyebabkan ia menerima permintaan tinggi selain dijual mahal iaitu sekitar RM35 hingga RM40 setiap kaki persegi.

Lantai parket

Lantai ini menonjolkan corak segi empat sebagai asas membentuk seluruh lantai dan kemasannya digam pada lantai simen. Ia banyak ditemui di rumah kediaman dan bangunan komersial seperti restoran, dewan serba guna dan kompleks sukan. Ia perlu diperkemas dengan

kemasan tahan lasak seperti barnis dan akrilik.

Lantai kayu berlaminata

Ia dihasilkan menerusi teknologi terkini bagi ciri tahan lasak dan mempunyai ketahanan pada cuaca serta suhu. Biarpun, bukan dibentuk daripada bahan asli dan semula jadi tetapi boleh ditambah material alam pada permukaannya merujuk formasi tertentu. Ini akan memberi nilai estetika selain menunjukkan perbezaan warna bagi setiap kepingan dihasilkan.

Selain lebih murah berbanding kayu padu, keistimewaan lantai ini adalah mudah dijaga kerana berciri tidak resap air dan kalis calar. Ia banyak digunakan di rumah kediaman dan bangunan komersial seperti ruang pameran, restoran dan kedai.

Harganya bergantung

kepada ketebalan, kemasan permukaan serta jenis kayu. Biasanya dijual sekitar RM7 hingga RM13 perkaki persegi.

Kelebihan kemasan lantai kayu

- Lantai kayu menawarkan ciri kalis calar dan padu menyebabkannya sesuai untuk kegunaan harian khususnya bagi ruang kediaman.
- Kukuh, tahan cuaca baik panas mahupun sejuk.
- Senang disuai padan dengan pelbagai gaya penataan.
- Menyerlahkan karakter ruang.
- Selesa dan hangat dipijak.
- Risiko kecederaan adalah rendah sekiranya terjatuh kerana lantai kayu menyerap hentakan serta tidak terlalu keras seperti

konkrit.

- Ia turut didatangkan dalam warna rustik dan tidak pudar. Faktor corak semula jadi dan kesan urat kayu yang jelas amat menarik perhatian.
- Permukaannya boleh digilap, disapu barnis dan minyak bagi menonjolkan keindahan rona asli serta kontur urat kayunya.
- Kos pemasangannya juga tidak terlalu mahal dibandingkan lantai marmar, jubin serta batu asli.
- Lantai daripada spesies kayu tempatan seperti cengal, merbau, tembusu dan keruing menjadi semakin berkilat apabila kerap digunakan. Selain itu ia juga tahan geseran, hentakan dan tidak mudah rosak sekiranya kena dengan penjagaan serta pemuliharaan.